

# PEMBELAJARAN KATA HUBUNG BAHASA JEPUN DI KALANGAN PELAJAR INDONESIA DAN MALAYSIA

## A STUDY ON INDONESIAN AND MALAYSIAN NATIVES IN LEARNING JAPANESE CONJUNCTIONS

### ABSTRAK

Kajian ini merupakan analisis perbandingan pembelajaran kata hubung bahasa Jepun, *~tekara* (selepas), *~toki* (ketika) dan *~tara* (jika/bila) antara pelajar bahasa Jepun Indonesia (PBJI) dan pelajar bahasa Jepun Malaysia (PBJM). Kata hubung *~tara* sebagai kata hubung bersyarat juga mempunyai makna 'selepas' dan 'ketika', tetapi peraturan penggunaannya berbeza dengan *~tekara* dan *~toki*. Penggunaan 'selepas' [*~tekara*], 'ketika' [*~toki*] dan 'jika/bila' [*~tara*] dalam bahasa Indonesia dan bahasa Melayu juga tiada peraturan khusus selain daripada penggunaan dalam bentuk aspek. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keupayaan pelajar dalam memahami perbezaan penggunaan *~tekara*, *~toki* dan *~tara* dan apakah terdapat sebarang perbezaan dalam kalangan pelajar Indonesia dan Malaysia dalam memahami konteks kata hubung berikut. Data kajian adalah hasil daripada hasil soal selidik, soalan objektif dan penyelesaian ayat oleh dua kumpulan pelajar, iaitu pelajar daripada Departemen Sastra Jepang, Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Sumatera Utara dan pelajar daripada Rancangan Persediaan Khas Jepun (RPKJ), Pusat Asasi Sains, Universiti Malaya pada tahap pembelajaran bahasa Jepun N3~N5. Dapatan kajian soal selidik Bahagian I (soalan objektif) menunjukkan bahawa lebih daripada 40% pelajar Indonesia dan Malaysia menunjukkan kekeliruan mengenal pasti penggunaan *~tekara* dan *~tara*. Manakala hampir 30% daripada pelajar Indonesia dan Malaysia keliru mengenal pasti *~toki* dan *~tara*. Seterusnya, dapatan kajian Bahagian II (soalan penyelesaian ayat) menunjukkan lebih daripada 50% pelajar Indonesia gagal untuk melengkapkan ayat *~tekara*, *~toki* dan *~tara*, manakala 51% pelajar Malaysia gagal untuk melengkapkan ayat *~toki* dan lebih dari 30% gagal untuk melengkapkan ayat *~tekara* dan *~tara* sesuai dengan nahu dan peraturan penggunaannya. Kedua kumpulan pelajar didapati keliru mengenal pasti penggunaan *~tekara*, *~toki* dan *~tara* dan menghasilkan ayat yang merujuk kepada penggunaan kata hubung *~kara* (kerana), *~nagara* (sambil) dan *~mae ni* (sebelum). Antara punca berlakunya kesilapan adalah kerana pelajar; i) cenderung menterjemahkan soalan-soalan dalam ujian ini ke dalam bahasa ibunda dan mengabaikan peraturan penggunaan *~tekara*, *~toki* dan *~tara* yang tepat, ii) kurang faham mengenai peraturan penggunaan ketiga-tiga kata hubung yang bersesuaian dengan nahunya, dan iii) kurang teliti dan cuai ketika membaca soalan ujian yang disediakan.

Kata kunci: *~tekara*, *~toki* dan *~tara*; pelajar bahasa Jepun Indonesia (PBJI); pelajar bahasa Jepun Malaysia (PBJM); kesilapan; perbezaan

# A STUDY ON INDONESIAN AND MALAYSIAN NATIVES IN LEARNING JAPANESE CONJUNCTIONS

## ABSTRACT

This is a comparative study between Indonesian Japanese learners (IJL) and Malaysian Japanese learners (MJL) in learning Japanese conjunctions, *~tekara* [after], *~toki* [when] and *~tara* [if]. The conjunction of *~tara* which is known as a conditional form, is also has meaning as ‘after’ and ‘when’. However, the usage rules are different from *~tekara* and *~toki*. In Malay and Indonesian, other than to show aspects, ‘after’ [*~tekara*], ‘when’ [*~toki*] and ‘if’ [*~tara*], there are no specific rules and regulations on the usage of these conjunctions. This study is intended to examine the learners’ ability in understanding the different usage of *~tekara*, *~toki* and *~tara*, whether there are any differences among the both learners in understanding the context of these three conjunctions. The data were collected from the results of objective test and completion sentences test, carried by the Indonesian Japanese learners at Japanese Literature Department, Faculty of Humanity, University of North Sumatera, Indonesian and Malaysian Japanese learners at *Ambang Asuhan Jepun* (AAJ), Pusat Asasi Sains, University of Malaya, Malaysia. During the data collection, both learners were at level N3~N5 of Japanese Language Proficiency Test (JLPT). The findings of the objective test revealed that more than 40% of IJL and MJL have mistaken to identify the correct usage of *~tekara* and *~tara*. Almost 30% of IJL and MJL were confused to identify *~toki* and *~tara*’s usage. The findings of the completion sentences test, showed that more than 50% of IJL failed to complete *~tekara*, *~toki* and *~tara*’s sentences, while 51% of MJL failed to complete *~toki*’s and 31% failed to complete *~tekara* and *~tara*’s sentences correctly. Both learners were also confused to identify the proper usage of *~tekara*, *~toki* and *~tara* by making sentences which is much more proper to *~kara* (because), *~nagara* (while) and *~mae ni* (before). This study found that some of the errors were caused by, i) tendency to translate the questions’ test into their native language and ignored the proper use of *~tekara*, *~toki* and *~tara*, ii) lackness of understanding the proper usage rules of these three conjunctions as the major of errors occurred, iii) careless and slipshod when reading the questions of the test.

Keywords: *~tekara*, *~toki* and *~tara*; Indonesian Japanese learners (IJL); Malaysian Japanese learners (MJL); errors; differences